



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 29 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PENGELUARAN PADI TEMPATAN DITINGKATKAN KEPADA 75 PERATUS, SH -ONLINE KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM GFSI TURUN KERANA PELARASAN SKOR, SH -ONLINE 508 PREMIS TURUN HARGA AYAM, BH -ONLINE 'IKAT KONTRAK DENGAN PENGELUAR, PENTERNAK AYAM', BH -ONLINE 'PEMBEKAL AYAM HANYA TURUNKAN HARGA 30 SEN SAHAJA', HM -ONLINE SEKURITI MAKANAN NEGARA TERBAIK, NEGARA, KOSMO -6 GFSI TURUN KERANA PELASARAN SKOR, SIDANG PARLIMEN, SH -10 BERI PINJAMAN MUDAH ATASI LONJAKAN HARGA AYAM, SIDANG PARLIMEN, SH -10 PEMBEKAL TURUN HARGA 30 SEN JE, LOKAL, HM -10 KPDNHEP GERAK 1,000 PEGAWAI PANTAU HARGA, LOKAL, HM -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11. 12. 13. 14.	13 TAN UDANG, SOTONG DARI INDONESIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -23 LEBIH 13 TAN UDANG, SOTONG DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 13,185KG UDANG, SOTONG SEJUK BEKU DARI INDONESIA DIRAMPAS, NEGERI SELANGOR, SH -22 13 TAN SOTONG, UDANG SEJUK BEKU DIRAMPAS, LOKAL, HM -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
15.	PASAR TANI AGROPELANCONGAN DAYA TARIKAN BAHARU PD, NEGARA, KOSMO -17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
16.	TADBIR URUS MARDICORP KURANG MEMUASKAN, SUARA MALAYSIA, SH -8	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17.	ATASI KEKURANGAN BEKALAN IKAN, DALAM NEGERI, UM-32	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
18. 19. 20. 21. 22.	ADA KELAMAHAN PENGURUSAN PROGRAM TVET, BH -ONLINE PASAR TANI AGRO PELANCONGAN BAKAL DIWUJUDKAN DI PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN, SH -27 PENTERNAK DIKOMPAUN RM4,400 BIAT TERNAKAN BERKELIARAN, NEGERI SEMBILAN, SH -27 9 PERUNCIT DITAHAN SELUDUP LEBIH 6,000 KILOGRAM BERAS SIAM, NEGERI KELANTAN, SH -28 UMS UNIT SPEARHEADS SUSTAINABLE DEVELOPMENT OF MARINE RESOURCES, NATION, THE STAR -6	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pengeluaran padi tempatan ditingkatkan kepada 75 peratus



Program Smart Sawah Berskala Besar dijangka mampu meningkatkan pengeluaran padi beras negara ke tahap lebih tinggi. Ronald Kiandee (Gambar Kecil)

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengubah dasar tahap sara diri (SSL) padi negara dengan menetapkan peningkatan pengeluaran tempatan kepada 75 peratus menjelang lima

hingga 10 tahun akan datang.

- Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perubahan dasar itu ekoran keadaan pandemik Covid-19 yang menyebabkan sekatan sempadan negara dan kebimbangan tentang bekalan makanan dari luar.

Katanya, dasar kerajaan untuk pengeluaran padi sebelum ini sejak sekian lama adalah 70 peratus pengeluaran tempatan dan 30 peratus import.

"Beberapa langkah telah diambil oleh pihak kementerian dan kerajaan iaitu dengan mengundang penglibatan pihak swasta untuk menjadikan industri padi beras negara ini sebagai satu industri yang diperbesarkan.

"Kita jangkakan pendekatan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang sedang dibuat kementerian akan mampu meningkatkan pengeluaran padi beras negara ke tahap lebih tinggi berbanding SSL pada ketika ini iaitu 70 peratus pengeluaran dan 30 peratus diimport," katanya pada sesi waktu pertanyaan menteri pada sidang Dewan Rakyat, Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) tentang strategi terbaharu untuk meningkatkan sekuriti makanan dalam makanan utama iaitu padi.

Mengulas lanjut, Ronald memberitahu, langkah-langkah itu sedang diusahakan kementerian dengan penglibatan beberapa sektor peneraju.

Katanya, sektor peneraju itu melibatkan agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pihak swasta.

"Dengan bantuan semua pihak SSL padi beras akan ditingkatkan dan akan mengurangkan import dari negara luar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Kedudukan Malaysia dalam GFSI turun kerana pelarasan skor



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, yang juga Ahli Parlimen Beluran ketika sesi soal jawab pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen pada Selasa. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kedudukan Malaysia dalam laporan Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSI) jatuh ke tangga 44 daripada 113 negara di dunia pada tahun 2019 kerana pelarasan

semula yang dibuat terhadap skor laporan berkenaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menjelaskan, disebabkan itu, kedudukan Malaysia pada tahun berkenaan menurun dari tangga ke-28 ke tangga 44.

Beliau berkata, pelarasan semula dibuat Unit Perisikan Ekonomi (EIU) terhadap purata skor GFSI dari tahun 2012 hingga 2019.

Menurutnya, laporan GFSI yang dikeluarkan EIU sejak tahun 2012 bertujuan untuk menilai tahap kerentanan sesebuah negara terhadap sekuriti makanan.

"Kedudukan sesebuah negara dalam GFSI ditentukan oleh purata skor keseluruhan daripada tiga dimensi sekuriti makanan iaitu kemampuan, ketersediaan serta kualiti dan keselamatan. Skor ini menentukan prestasi keseluruhan sekuriti makanan serta kedudukan sesebuah negara secara global.

"Bagaimanapun, pihak EIU telah membuat pelarasan semula terhadap purata skor dari tahun 2012 hingga 2019 setelah menjadikan dimensi sumber asli dan ketahanan sebagai salah satu dimensi teras bermula tahun 2020," katanya pada sesi waktu pertanyaan menteri di sidang Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) yang meminta Kiandee menyatakan punca kedudukan Malaysia dalam GFSI jatuh dari tangga 28 pada tahun 2019 ke tangga 43 (tahun 2020).

Sementara itu, Kiandee berkata, pelarasan itu bukan sahaja mengubah kedudukan Malaysia pada tahun 2019, malah Singapura juga telah berubah dari tangga pertama ke tangga 20, dan Australia dari tangga ke-12 ke tangga 26.

Menurutnya, walaupun dimensi sumber asli dan ketahanan telah diperkenalkan sejak tahun 2017 sebagai faktor pelaras, namun hanya pada tahun 2020 ia telah dijadikan sebagai dimensi teras berdasarkan kepentingannya untuk mengukur daya tahan negara terhadap kesan perubahan iklim dan kerentanan negara terhadap risiko sumber semula jadi.

"Kedudukan Malaysia dalam GFSI pada tahun 2020 adalah di tangga ke-43 iaitu telah meningkat satu anak tangga berbanding dengan tahun 2019.

"Kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara Asia Pasifik adalah lapan terbaik, manakala kedua terbaik dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara iaitu selepas Singapura," jelasnya.

Beliau menjelaskan, kedudukan Malaysia pada tahun 2020 juga adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Thailand, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Filipina dan India.

Namun demikian, katanya, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diberi perhatian dalam usaha memperkukuhkan sekuriti makanan negara.

Katanya, ia seperti kebergantungan import makanan, peningkatan permintaan, perubahan iklim, kekangan sumber asli, kekurangan tenaga kerja mahir dan penglibatan golongan belia, tahap penerimgunaan teknologi yang masih rendah dan amalan pertanian yang kurang lestari.

"Dalam hal ini, kerajaan sentiasa terus memperkukuh sekuriti makanan negara supaya kekal terjamin dalam apa jua keadaan, sekali gus mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam GFSI pada masa akan datang.

"Antara usaha kerajaan termasuk penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) dan pembangunan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 yang holistik dan mampan.

"Elemen jaminan sekuriti makanan negara juga merupakan prioriti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara dan telah dijajarkan dalam dokumen dasar utama MAFI iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

508 premis turun harga ayam



KUALA LUMPUR: Sejumlah 508 premis menurunkan harga ayam di bawah RM9.50 di seluruh negara, hasil libat urus antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan pihak industri.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata pihaknya juga mengeluarkan 206 notis bertulis semakan harga ayam hasil semakan terhadap 268 premis yang menjual ayam di

pasaran.

"Ia antara perkara dilaksanakan kementerian dalam memastikan harga ayam di pasaran tidak mengalami lonjakan dan peniaga tidak cuba menaikkan harga bagi mengaut keuntungan berlebihan."

"Kementerian turut menggerakkan lebih 1,000 pegawai pemantau harga dan lebih 2,200 anggota penguatkuasa, khusus untuk memantau situasi ini," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang bertanyakan langkah jangka panjang serta kawalan harga untuk menentukan harga ayam di pasaran mencapai keseimbangan antara kepentingan pengguna dengan pengeluar, pemborong serta peruncit dalam rantai bekalan.

Alexander berkata, sebanyak 268 premis diperiksa sepanjang tempoh pemeriksaan Ops Catut 8.0 membabitkan pengeluar, penternak, pengilang dan pemborong ayam antara 5 hingga 22 September lalu.

"Ia membabitkan 78 pemborong, 38 penternak, pengeluar dan pengilang serta 151 peruncit. Daripada pemeriksaan itu, 206 notis bertulis semakan harga kepada pemilik premis dikeluarkan," katanya.

Berhubung soalan tambahan Hassan mengenai langkah jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengawal harga ayam dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Alexander berkata, pihaknya sedang mempertimbang beberapa langkah dalam rancangan lima tahun itu.

Katanya, langkah yang sedang dipertimbang itu adalah hasil libat urus KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) pada 17 September lalu.

"Antaranya yang sedang dipertimbang adalah kemudahan pinjaman mudah bagi tempoh dua hingga tiga tahun.

"Ia bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi dan menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam diimport tanpa mengganggu harga ayam di pasaran," katanya.

Alexander berkata, antara punca utama kenaikan harga ayam di pasaran adalah kerana penternak menanggung peningkatan kos dedak ayam seperti jagung dan soya, yang hampir 100 peratus diimport.

Beliau turut berkata, hasil kajian mendapati Malaysia tidak berupaya untuk mengeluarkan tanaman jagung secara besar-besaran dan mencukupi untuk memenuhi keperluan penternak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

'Ikat kontrak dengan pengeluar, penternak ayam'



Peniaga ayam di Pasar Moden Seksyen 6, Shah Alam menjual ayam antara RM8.50 sehingga RM9.50 seekor. - NSTP/FAIZ ANUAR

KUALA LUMPUR: Kerajaan disaran menetapkan kontrak bersama pengeluar atau penternak ayam sebagai antara langkah penyelesaian mengawal mekanisme harga yang dilihat turun naik secara bermusim setiap tahun.

Pada masa sama, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata katanya, subsidi yang disediakan perlu diteruskan.

"Isu kenaikan harga ayam di pasaran bukan perkara asing, malah kerap dipersoalkan pengguna hingga menjadikannya seolah-olah trend bermusim.

"Pelbagai langkah boleh diambil pihak berkaitan seperti menetapkan harga ayam dalam tempoh tertentu termasuk kontrak menetapkan harga bahan dedak seperti jagung dan kacang soya, di samping mengadakan perjanjian bersama penternak serta peladang," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan berhubung kesediaan pihak industri menurunkan harga ayam di peringkat pengeluar atau peladang bagi membolehkan pengguna mendapatkan bekalan bahan makanan itu dengan harga berpatutan.

Mohd Yusof berkata, pelaksanaan cadangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan (MAFI) memanfaatkan semua pihak.

"Cadangan termasuk pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi membantu industri mengekalkan jumlah pengeluaran ayam mencukupi perlu disegerakan, termasuk memastikan subsidi harga komponen makanan ayam yang diimport," katanya.

Beliau berkata, pengguna perlu mengambil kira situasi pengeluar atau penternak yang menghadapi masalah di peringkat pengeluaran.

"Ini termasuk keperluan pasaran musim pandemik COVID-19 yang tidak menentu, namun sebagai bahan makanan mentah yang sentiasa mendapat permintaan tinggi, isu naik harga ayam perlu ditangani segera.

"Ia bukan sahaja menerusi pemantauan pihak berkuasa tetapi di peringkat asas iaitu pengeluar dan penternak," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata penternak dan peladang ayam bersetuju mengurangkan margin keuntungan menerusi perbincangan dengan mereka sebelum ini.

"Ini bagi membolehkan harga di peringkat pengguna dapat distabilkan dan harga ayam di pasaran didapati mulai stabil sejak dua minggu lalu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

'Pembekal ayam hanya turunkan harga 30 sen sahaja'



Johor Bahru: Harga ayam segar di bandar raya ini yang dijual antara RM9.50 hingga RM10 sekilogram menyebabkan jualan merosot sehingga 30 peratus, sejak pertengahan bulan lalu.

Tinjauan di pasar basah di Tampoi dan Pandan di sini, mendapati harga bekalan itu kekal seperti harga bulan lalu yang mengalami lonjakan selepas Aidiladha, berbanding harga pada Julai iaitu antara

RM7 hingga RM7.50 sekilogram.

Peniaga, Hafizul Mohamad berkata, dia mendapatkan bekalan ayam pada harga tinggi kerana pembekal hanya menurunkan 30 sen untuk setiap ekor ayam.

"Jadi macam mana kami nak turunkan harga ayam lebih murah jika pembekal dari ladang pun hanya turunkan 30 sen setiap ekor.

"Ini yang menyebabkan jualan ayam segar merosot antara 25 hingga 30 peratus kerana pengguna elak beli ayam. Jika dulu harga RM7.50 hingga RM8, saya mampu menjual antara 300 hingga 350 ekor sehari, sekarang nak capai 200 ekor sehari pun susah.

"Kos operasi tinggi, kos pekerja lagi dan kos sewa. Ramai peniaga yang mengeluh apabila kami dipersalahkan kerana harga ayam mahal sedangkan ia sudah tinggi daripada ladang," katanya ketika dihubungi.

Disebabkan itu Hafizul berkata terdapat peniaga yang menjual ayam pada harga RM10 berbanding harga siling RM9.50 kerana memperoleh margin keuntungan yang rendah.

Seorang lagi peniaga ayam segar, Mohd Kamal Kamsan turut mengakui harga ayam masih dijual melebihi paras siling kerana peladang menjualnya pada harga tinggi.

"Mana ada harga ayam turun sebab pembekal masih kekalkan harga seperti sebelum ini.

"Oleh itu, peniaga terpaksa menjualnya pada harga ayam segar pada harga RM10 sekilogram walaupun pengguna mengeluh dan memboikot untuk beli ayam," katanya.

Pada 22 September lalu, pihak industri dilapor bersetuju untuk menurunkan harga ayam di peringkat pengeluar atau peladang sekali gus membolehkan pengguna mendapatkan bekalan bahan mentah itu pada harga berpatutan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dalam kenyataan memaklumkan, persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat libat urus kementerian berkenaan bersama industri di seluruh negara.

Catat kedudukan kedua di Asia Tenggara, tempat kelapan di Asia Pasifik

Sekuriti makanan negara terbaik

Dewan Rakyat

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Malaysia berada pada kedudukan kedua terbaik dalam kalangan negara Asia Tenggara dan kelapan terbaik bagi negara Asia Pasifik berhubung aspek keselamatan makanan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, kedudukan Malaysia juga lebih baik berbanding Thailand, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Filipina dan India dalam aspek tersebut.

"Kerajaan sentiasa komited untuk terus memperkukuh sekuriti makanan supaya kekal terjamin dalam apa jua keadaan.

"Antara usaha kerajaan termasuk penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) dan pembangunan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 yang holistik dan mampan," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Wong Hon Wai, (PH-Bukit Bendera) mengenai inisiatif kerajaan untuk memperbaiki keselamatan makanan di negara ini.

Ronald berkata, masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diberi perhatian dalam usaha kerajaan memperkukuhkan sekuriti makanan negara.

Ujarnya, ia termasuk tahap bergantung import makanan, peningkatan permintaan, perubahan iklim, kekurangan sumber asli dan kekurangan tenaga kerja mahir.

"Cabaran lain adalah tahap penerimaangunaan teknologi yang masih rendah, penglibatan golongan belia serta amalan pertanian kurang lestari," katanya.

Dalam pada itu, kata beliau, Kementerian telah mengubah strategi dengan meningkatkan sehingga 70 peratus pengeluaran padi dan beras negara dan 30 peratus keberuntungan import.

"Melalui projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) kita mahu meningkatkan produktiviti tanaman padi dan mendapatkan pesawah dijangka dilaksanakan pada musim kedua 2021," katanya.



GAMBAR fail bertarikh 27 Februari 2021 menunjukkan Ronald (kanan) sedang mengendalikan mesin penual padi di Mardi Seberang Perai. Kepala Eatas.

GFSI turun kerana pelarasan skor

KUALA LUMPUR - Kedudukan Malaysia dalam laporan Indeks Sekuriti Makanan Dunia (GFSI) jatuh ke tangga 44 daripada 113 negara di dunia pada tahun 2019 kerana pelarasan semula yang dibuat terhadap skor laporan berkenaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang menjelaskan, disebabkan itu, kedudukan Malaysia pada tahun berkenaan menurun dari tangga ke-28 ke tangga 44.

Beliau berkata, pelarasan semula dibuat Unit Perisikan Ekonomi (EIU) terhadap purata skor GFSI dari tahun 2012 hingga 2019.

Menurutnya, laporan GFSI yang dikeluarkan EIU sejak tahun 2012 bertujuan untuk menilai tahap kerentanan sesebuah negara terhadap sekuriti makanan.

"Kedudukan sesebuah negara dalam GFSI ditentukan oleh purata skor keseluruhan daripada tiga dimensi sekuriti makanan iaitu kemampuan, ketersediaan serta kualiti dan keselamatan. Skor ini menentukan prestasi keseluruhan sekuriti makanan serta kedudukan sesebuah negara secara global.

"Bagaimanapun, pihak EIU telah membuat pelarasan semula terhadap purata skor dari tahun 2012 hingga 2019 setelah menjadikan dimensi



Ronald ketika sesi soal jawab pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen pada Selasa.

sumber asli dan ketahanan sebagai salah satu dimensi teras bermula tahun 2020," katanya pada sesi waktu pertanyaan menteri di sidang Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) yang meminta Ronald menyatakan punca kedudukan Malaysia dalam GFSI jatuh dari tangga 28 pada tahun 2019 ke tangga 43 (tahun 2020).

Sementara itu, Ronald berkata, pelarasan itu bukan sahaja mengubah kedudukan Malaysia pada tahun 2019, malah Singapura juga telah berubah dari tangga pertama ke tangga 20, dan Australia dari tangga ke-12 ke tangga 26.

Beri pinjaman mudah atasi lonjakan harga ayam

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan meneliti cadangan pemberian kemudahan pinjaman mudah bagi tempoh dua hingga tiga tahun kepada industri penternakan ayam negara bagi mengatasi masalah lonjakan harga ayam di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia sebagaimana hasrat yang dikemukakan oleh industri itu kepada kementeriannya bagi membantu mengekalkan jumlah pengeluaran ayam yang mencukupi.

Menurutnya, langkah itu juga bagi menangani isu peningkatan kos pengeluaran ayam berikutan kenaikan harga komponen makanan ayam yang diimport tanpa mengganggu harga ayam di pasaran.

"Kenaikan harga ayam berlaku disebabkan pelbagai faktor antaranya, kenaikan harga makanan ayam (dedak) iaitu jagung dan soya di mana 100 peratus adalah diimport.

"Kementerian sentiasa mencari kaedah penyelesaian terbaik membantu penternak berdasarkan masalah yang mereka hadapi ini," katanya pada waktu pertanyaan menteri bagi jawab lisan di sidang Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) tentang perancangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menstabilkan harga ayam dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).



PEMBEKAL TURUN HARGA 30 SEN JE...

Ayam segar di Johor Bahru masih dijual sekitar RM10 setiap kilogram sejak pertengahan bulan lalu

Oleh Mohamed Farid Noh
am@metro.com.my

Johor Bahru

Harga ayam segar di bandar raya ini masih dijaja antara RM6.50 hingga RM10 setiap kilogram, walaupun menjelang perayaan Hari Raya.

Tinjauan di pasar basah di Tampoi dan Pandan, di sini, mendapati harga ayam segar berkenaan sama seperti dijual pada bulan lalu, ketika harga ayam menjelang perayaan Hari Raya.

Ini berbanding harga ayam sebelum Aidiladha iaitu pada awal Julai yang dijual dalam julai harga antara RM7 hingga RM7.50 setiap kilogram.

Manakala harga ayam pembekal yang berdaftar masih membekalkan ayam pada harga tinggi dan hanya menurunkan 30 sen setiap ekor bagi harga laluan pulak kerana perayaan.

"Manakala harga ayam lebih murah jika pembekal dari ladang pun hanya turunkan harga 30 sen setiap ekor. Ia menyebabkan laluan ayam segar merosot antara 25 dan 30 peratus, berikutan permintaan kini tidak beli ayam.

"Jika dulu ketika harga ayam antara RM7.50 dan RM8, saya mampu menjual antara 300 dan 350 sebar, namun sekarang tak jual 200 ekor sehari pun sudah."

Ramai peniaga mengesalkan atas harga ayam yang mahal sedangkan harga dari ladang masih tinggi

Ada peniaga yang masih menjual ayam bersih pada harga RM10 setiap kilogram, namun ada juga menjual ayam pada harga RM6.50 seperigi, yang ditepatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

"Peniaga mempunyai kos operasi tinggi membolehkan mereka untung kecil," kata kos pembekal selain kos sewa. Pada 22 September lalu, Baruni, peniaga, mengatakan apabila kami diperahabkan atas harga ayam yang mahal, harga ayam dari ladang masih tinggi.

"Ada peniaga yang masih menjual ayam bersih pada harga RM10 setiap kilogram, namun ada juga menjual ayam pada harga RM6.50 seperigi, yang ditepatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	11



TINJALAN harga ayam di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, senalakan menunjukkan rata-rata peniaga menjual ayam di bawah RM9.50.

SEORANG peniaga ayam segar menunjukkan harga ayam dijualnya di Pasar Tani Ampangan, Seremban, sentilam.

KPDNHEP gerak 1,000 pegawai pantau harga

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggerakkan lebih 1,000 pegawai pemantau harga dan lebih 2,000 anggota penguatkuasa khusus bagi menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia dijalankan menerusi pemeriksaan Ops Catut 8.0 ke atas semua rantalan bekalan ayam di seluruh negara bagi memantau situasi berkenaan.

Katanya, kementerian tidak memandang ringan isu kenaikan harga ayam dan sentiasa memantau harga ayam bagi memastikan ia tidak mengalami lonjakan dan peniaga tidak cuba menaikkan harga bagi me-



ALEXANDER

ngaut keuntungan berlebihan.

"Data yang dikemaskini menunjukkan sepanjang tempoh pemeriksaan Ops Catut 8.0 membabitkan pengeluaran, penternak, pengilang dan pemborong ayam bermula 5 hingga 22 Sep-

tember, sebanyak 268 premis diperiksa membabitkan 78 pemborong, 38 penternak, pengeluaran dan pengilang serta 151 peruncit.

"Daripada pemeriksaan itu, sebanyak 206 Notis Bertulis semakan harga kepada pemilik premis dikeluarkan," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan dikemukakan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) mengenai langkah jangka panjang untuk memastikan keseimbangan harga ayam antara pengguna dan rantalan bekalan makanan itu.

Katanya, pihaknya turut membuat pemantauan ke atas 20 syarikat pengeluar ayam pedaging utama merangkumi tiga syarikat integrator dan 17 syarikat

non-integrator.

"Pemantauan ini dilakukan bagi mengesan lebih awal risiko gangguan bekalan ayam pedaging di peringkat pengeluaran supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi memastikan bekalan ayam di pasaran sentiasa stabil.

"Unjuran pengeluaran ayam juga dilakukan setiap bulan bagi membolehkan kementerian merangka pelan tindakan sewajarnya sekiranya dijangkakan akan berlaku kekurangan bekalan ayam di pasaran.

"Unjuran pengeluaran secara bulanan itu mampu memastikan jumlah pengeluaran ayam mencukupi untuk keperluan rakyat Malaysia setiap bulan dan pada musim perayaan," katanya. Menurutnya, hasil libat

urus dan perbincangan bersama, peniaga di peringkat runcit, sebanyak 508 premis membuat penurunan harga di seluruh negara di bawah RM9.50.

"Kenaikan harga ayam berlaku disebabkan pelbagai faktor dengan yang utama ialah kenaikan makanan ayam iaitu dedak seperti jagung dan soya hampir 100 peratus diimport dari negara luar.

"KPDNHEP ada beberapa pelan tindakan dalam Rancangan Malaysia ke-12 bagi menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran.

"Langkah ini akan kita laksanakan mengikut keadaan dan keperluan semasa supaya kita adil kepada semua pihak termasuk pengguna, peruncit, pemborong dan penternak," katanya.

PEMBEKAL masih mengenakan harga yang tinggi kepada penjual ayam.

ngeluar atau peladang sekali gus membolehkan pengguna mendapatkan bekalan bahan makanan itu dengan harga berpatutan.

Dalam kenyataan bersama oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang dilaporan berkata, persetujuan itu dicapai dalam satu mesyuarat libat urus yang diadakan oleh dua kementerian itu bersama pihak industri di seluruh negara, yang diadakan pada 21 September lalu.

Sementara itu, seorang lagi peniaga ayam segar, Mohd Kamal Kamsan, berkata harga ayam di pasaran bandar raya ini masih mahal berikutan pembekal dan peladang masih membekalkan ayam pada harga tinggi.

"Mana ada harga ayam turun sebab pembekal masih kekalkan harga seperti sebelum ini," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	23

13 tan udang, sotong dari Indonesia dirampas

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor merampas lebih 13 tan udang dan sotong sejuk beku dari Indonesia di pintu masuk Pelabuhan Barat di sini.

Produk sejuk beku itu dirampas susulan pemeriksaan rutin dijalankan sepasukan anggota penguat kuasa MAQIS Selangor, kira-kira jam 10.30 pagi Ahad lalu.

“Ketika pemeriksaan ke atas kontena membawa produk itu dilakukan, anggota penguat kuasa menemui udang dan sotong sejuk beku dibawa masuk tanpa permit import sah yang dikeluarkan MAQIS.

“Siasatan juga mendapati, makanan laut terbabit berada di pelabuhan sejak 26 Ogos lalu dan dipercayai untuk pasaran tempatan.

“Semua barang dagangan seberat 13,185 kilogram (kg) itu yang dianggarkan bernilai RM344,823 ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000, atau kedua-duanya sekali.



Sebahagian udang dan sotong sejuk beku dari Indonesia yang dirampas MAQIS Selangor. (Foto Ihsan MAQIS Selangor)

Lebih 13 tan udang, sotong dirampas

KLANG - Tindakan sebuah syarikat perdagangan produk laut dan akuakultur membawa masuk lebih 13 tan udang dan sotong sejuk beku dari Indonesia gagal apabila ditahan pihak berkuasa di Pelabuhan Barat, Ahad lalu.

Penahanan kesemua produk bernilai RM344,823 yang disimpan dalam satu kontena itu dilakukan pukul 10.30 pagi selepas didapati tidak mempunyai permit import sah.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor berkata,

berdasarkan siasatan, kontena tersebut telah berada di pelabuhan itu sejak 26 Ogos lalu.

Katanya, barang dagangan itu cuba dibawa masuk sebuah syarikat beroperasi di sebuah negeri di utara semenanjung.

"Kesemua barang dagangan seberat 13,185 kilogram dianggarkan bernilai RM344,823 itu kemudiannya ditahan untuk tindakan lanjut.

"Semakan mendapati ini merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat tempatan itu sejak beroperasi lima tahun lalu,"

katanya di sini semalam.

Jelasnya, kes disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga enam tahun atau denda maksimum RM100,000 atau kedua-duanya sekali," jelasnya.


Dalam perkembangan sama, tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperluaskan bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian.



KONTENA dipenuhi udang, sotong ditahan di Pelabuhan Barat, Klang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	22

13,185kg udang, sotong sejuk beku dari Indonesia dirampas



Sotong dan udang sejuk beku yang dirampas di Pelabuhan Klang Barat pada Ahad.

SEPANG - Sebuah kontena berisi udang dan sotong sejuk beku dari Indonesia dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Pelabuhan Klang Barat di sini pada Ahad kerana tidak mempunyai permit import yang sah.

Maqis Selangor dalam satu kenyataan berkata, pengananan tersebut dibuat menerusi pemeriksaan rutin pada jam 10.30 pagi.

“Maqis melakukan pemeriksaan terhadap kontena

tersebut dan mendapati produk sejuk beku itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis,” kata kenyataan tersebut pada Selasa.

Menurut kenyataan itu, kesemua barang dagangan seberat 13,185 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM344,823 disita untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya.

29/9/2021

HARIAN
METRO

LOKAL

21

13 tan sotong, udang sejuk beku dirampas

Pelabuhan Klang: Lebih 13 tan udang dan sotong sejuk beku dari Indonesia dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor di pintu masuk Pelabuhan Barat di sini, Albad Lahu.

Maqis Selangor dalam kenyataan media semalam berkata, produk sejuk beku itu dirampas susulan pemeriksaan rutin yang dijalankan oleh pegawai penguat kuasa Maqis Selangor, kira-kira 10.30 pagi.

"Semasa pemeriksaan ke atas kosmena yang membawa produk itu dijalankan,


penguat kuasa mendapati udang dan sotong sejuk beku dibawa masuk tanpa permit import; sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

"Siasatan juga mendapati, udang dan sotong sejuk beku ini berada di pelabuhan sejak 26 Ogos lalu dan dipersemai untuk pasaran tempatan.

"Semua barang dagang

ngan seberat 13.185 kilogram itu yang dianggarkan bernilai RM344,823 ditahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam tahun atau denda tidak melebihi RM100,000, atau kedua-duanya sekali.



UDANG sejuk beku dan sotong di dalam kosmena dirampas Maqis Selangor.

Pasar tani agropelancongan daya tarikan baharu PD

SEREMBAN – Sebuah pasar tani agropelancongan akan diwujudkan di Port Dickson tahun hadapan sebagai satu lagi daya tarikan pelancongan sekali gus merancakkan lagi sektor ekonomi Negeri Sembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, pasar tani itu akan beroperasi di tapak Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) di Batu 4, Port Dickson.

Menurutnya, pelaksanaan projek itu masih dalam peringkat kajian sehingga bulan Disember ini sebelum beroperasi sepenuhnya pada awal tahun depan.

Ta sebestarnya sudah dijalankan secara mingguan pada setiap

hujung minggu bagi melihat sama ada menerima sambutan dari pada pelancong setempat atau sebaliknya, sebelum ia dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun depan.

"Pasar tani agropelancongan itu nanti akan melibatkan kira-kira 30 usahawan pasar tani termasuk jualan kraf tangan dan produk-produk makanan yang dihasilkan penduduk tempatan.

"Pemilihan lokasi ini berdasar kan status Port Dickson sebagai lokasi tumpuan utama pelancongan," katanya selepas mengadakan lawatan ke Pasar Tani Ampangan sempena Ulang Tahun Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ke-56 di Ampangan di sini semalam.



BAKRI (kiri) menyerahkan sumbangan bubur jagung kepada pengunjung di Pasar Tani Ampangan. Seramban sempena sambutan Ulang Tahun FAMA ke-56 semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	SINAR HARIAN	SUARA MALAYSIA	8

Tadbir urus MARDICorp kurang memuaskan

KUALA LUMPUR - Tadbir urus korporat MARDI Corporation Sdn Bhd (MARDICorp) yang kurang memuaskan menyumbang kepada ketidakcapaian 'output' dan keberhasilan Projek Reverse Linkage Surinam.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2 mendapati, sebanyak tujuh daripada sembilan aspek tadbir urus korporat yang diaudit tidak diamalkan sepenuhnya dan kelemahan pemantauan Lembaga Pengarah telah menjejaskan kelancaran pengurusan serta pengendalian aktiviti utama syarikat.

"Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah 'output' projek tidak tercapai, keberhasilan tidak dinilai dan pentadbiran kontrak yang tidak teratur; terma serta syarat pelantikan setiausaha syarikat tidak dapat disahkan kerana surat pelantikan tidak dikemukakan kepada pihak audit.

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti utama dan aktiviti lain yang dijalankan oleh MARDICorp tidak disediakan," dedah laporan itu.

Berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan MARDICorp masih belum tercapai sepenuhnya.



Menurut laporan itu, walaupun kedudukan kewangan MARDICorp stabil, namun tuntutan Projek Reverse Linkage Surinam berjumlah AS\$1.31 juta yang belum diterima telah menyebabkan MARDICorp mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM14.45 juta pada tahun 2019.

Justeru, Lembaga Pengarah MARDICorp dan pengurusan MARDICorp diminta mengambil perhatian beberapa perkara bagi memantapkan keupayaan tadbir urus korporat dan meningkatkan pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu pengkomersialan teknologi MARDI supaya selaras dengan objektif penubuhannya.

Antaranya, memastikan tadbir urus korporat dipertingkatkan, memastikan baki bayaran perkhidmatan perundingan Projek Reverse Linkage Surinam dituntut sewajarnya, dan mengkaji semula objektif syarikat bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) supaya hala tuju syarikat jelas dan tiada pertindihan fungsi.

MARDICorp yang merupakan syarikat subsidiari milik penuh MARDI ditubuhkan pada 25 Mei 1992 untuk mengendalikan pe-laburan komersialisasi MARDI. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Atasi kekurangan bekalan ikan

Oleh **MUHAMMAD FIRDAUS FAHMI JUNAIDI**
 utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tidak cukup kemahiran dan tiada ketahanan tinggi merupakan antara faktor utama yang menyebabkan negara kekurangan nelayan sehingga perlukan khidmat pekerja asing dalam memulihkan bekalan makanan laut terutamanya ikan di Malaysia sebelum musim tengkujuh melanda.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari berkata, Industri perikanan negara masih bergantung kepada nelayan asing yang sebelum ini hampir 35,000 nelayan yang bekerja di sektor perikanan, namun sejak pandemik, mereka tidak dapat masuk ke negara disebabkan kawalan ketat dikenakan kepada mereka.

“Kita mengharap kerajaan untuk memberi kelonggaran disebabkan pengusaha bot ketika ini tidak dapat meneruskan kegiatan seperti dahulu akibat peruntukan seorang pekerja asing untuk masuk bekerja antara RM15,000 hingga RM13,000 setiap seorang.

“Kami mendapat rintihan pengusaha bot yang tidak dapat beroperasi hampir setahun lebih akibat nelayan perlu men-



HAMID BAHARI

jalani prosedur rumit. Kerajaan diharapkan beri kelonggaran supaya sektor perikanan negara kembali rancak,” kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Sebelum ini, dilaporkan amaran daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengenai peralihan monsun barat daya kepada timur laut yang akan menyebabkan beberapa negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung berisiko dilanda rebut petir, hujan lebat dan laut bergelora.

Sehubungan itu, penduduk di kawasan terlibat seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya dinasihatkan untuk

menyemak ramalan Meteorologi sebelum melakukan aktiviti atau berhasrat untuk turun ke laut.

Mengulas mengenai keadaan cuaca akibat peralihan monsun, Hamid berkata, masyarakat nelayan yang akan ke laut disarankan untuk memastikan kelengkapan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia mencukupi serta mengikuti perkembangan Meteorologi dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Ujarnya, negara ini perlu mempunyai stok penimbal ikan yang banyak dalam menampung bekalan sebelum menghadapi musim tengkujuh ini.

Katanya, sejak pandemik Covid-19, stok ikan di Malaysia berkurangan, namun pihaknya termasuk agensi swasta masih membuat penyimpanan stok supaya bekalan masih mencukupi.

“Kekurangan tenaga mahir dalam kalangan nelayan di Malaysia turut membataskan perkembangan sektor perikanan yang dahulu rata-ratanya dimonopoli pekerja asing.

“Hal ini disebabkan ketahanan nelayan tempatan di laut tidak setanding pekerja asing seperti Thailand dan Indonesia yang berada di laut selama seminggu yang hanya mampu bertahan selama tiga hari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Ada kelemahan pengurusan program TVET



Laporan audit dapati penilaian keberhasilan terhadap keberkesanan program TVET secara menyeluruh tidak dilaksanakan selain terdapat kelemahan pengurusan program itu dalam penyampaian dan akreditasi, perakuan akreditasi. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Pencapaian output program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) masih belum mencapai sasaran Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), demikian

menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2.

Laporan itu juga mendapati penilaian keberhasilan terhadap keberkesanan program TVET secara menyeluruh tidak dilaksanakan selain terdapat kelemahan pengurusan program itu dalam penyampaian dan akreditasi, perakuan akreditasi, penilaian kecekapan tenaga pengajar dan pengurusan pembiayaan pinjaman pelajaran.

"Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian termasuk jumlah ambilan pelajar TVET bagi 2016 hingga 2020 yang menunjukkan trend menurun antara 1.0 peratus hingga 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu seramai 139,699 pelajar pada 2016 kepada hanya 99,589 pelajar pada 2020," menurut laporan itu.

Selain itu, hanya 474,672 (52.8 peratus) graduan yang telah berjaya dihasilkan untuk 2016 hingga 2020 berbanding 900,000 sasaran peluang pekerjaan baharu yang ditetapkan pada 2020.

Sejumlah RM1.324 bilion tunggakan bayaran balik pinjaman pelajar di bawah Pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan RM443.63 juta di bawah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan (TPPPP) juga masih belum dapat dikutip

Pengauditan kali ini membabitkan penilaian terhadap pengurusan program TVET di bawah Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi 2016 hingga 2020 yang meliputi dua bidang utama audit, iaitu prestasi dan pengurusan program.

Kerajaan menyalurkan RM29.689 bilion untuk enam kementerian penyedia TVET iaitu KPM, KPT, KSM, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam RMK11.

Sementara itu, bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan TVET, laporan itu mengesyorkan kementerian dan agensi terbabit mengambil beberapa langkah termasuk menjalankan kajian komprehensif bagi menilai impak program TVET.

Syor lain adalah memastikan inisiatif yang telah dirancang di bawah Jawatankuasa Kabinet
Pemeriksaan TVET (JKKPTVET) dilaksanakan selain perlu mewujudkan satu pusat akreditasi tunggal
bagi semua program yang ditawarkan untuk memastikan graduan TVET diiktiraf sektor awam dan
swasta dalam memenuhi keperluan industri negara.

"Selain itu, pengurusan PTPK dan TPPPP perlu meningkatkan usaha dan penguatkuasaan kutipan
balik pinjaman termasuk tindakan undang-undang terhadap peminjam yang gagal membuat bayaran
balik bagi memastikan kelangsungan dalam pemberian pinjaman kepada pelajar yang berkeelayakan,"
demikian laporan itu.

TVET adalah program untuk melahirkan graduan berkemahiran bagi memenuhi kehendak industri
dalam bidang berkaitan serta objektif sosio ekonomi negara. – BERNAMA

Pasar Tani Agro Pelancongan bakal diwujudkan di Port Dickson

SEREMBAN - Pasar Tani Agro Pelancongan akan diwujudkan di Tapak Medan Gerai Buah-buahan Segar di Batu 4 Port Dickson awal tahun depan bagi merencanakan sektor ekonomi di Negeri Sembilan.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, ia akan melibatkan 30 usahawan tani termasuk penjualan kraftangan dan produk-produk makanan.

"Ketika ini ia dalam peringkat kajian, selepas Negeri Sembilan memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN), kita sudah mula mengadakan program MyRakyat secara mingguan di situ.

"Usaha ini bagi melihat sama ada inisiatif ini mendapat sambutan daripada pengunjung ataupun sebaliknya sebelum Pasar Tani Agro Pelancongan dilaksanakan sepenuhnya awal tahun depan," katanya pada sidang akhbar pada Program Walkabout ke Pasar Tani Ampangan di sini pada Selasa.

Jelasnya, program jualan ini sudah tentu akan merencanakan lagi sektor perniagaan pertanian sekali gus mempromosikan barangan usahawan tani kepada orang ramai.

Katanya, sebanyak 16 pasar tani yang aktif akan dibuka sepenuhnya menjelang minggu depan.

Penternak dikompaun RM4,400 biar ternakan berkeliaran

JEMPOL - Seorang penternak lembu dikenakan kompaun sebanyak RM4,400 oleh Majlis Perbandaran Jempol (MPJL) selepas didapati membiarkan ternakannya berkeliaran pada Khamis lalu.

Yang Dipertua (MPJL), Raja Norazli Raja Nordin berkata, pemilik haiwan berkenaan dikenakan tindakan dalam Ops Ternakan Terbiar dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan MPJL di dua lokasi berasingan di Jalan Seruling Hilir- Tembangau dan Simpang Felda Lui Timur.

"Dalam operasi di bawah Enakmen Melarang Kerbau dan Lembu Kawasan-Kawasan Larangan 1971 itu telah menang-

kap lima ekor lembu kerana didapati berkeliaran di jalan raya dan kawasan awam.

"Bagaimana pun empat daripada keseluruhan haiwan ternakan yang ditangkap itu telah dituntut oleh pemiliknya pada Jumaat lalu setelah membayar kompaun maksimum," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Jelasnya, kadar kompaun yang dikenakan itu termasuk kadar denda dan kos jagaan sehari.

"Seekor lagi lembu belum dituntut oleh pemiliknya dan sekiranya masih tidak dituntut sehingga Khamis ini, haiwan berkenaan akan dilupuskan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

9 peruncit ditahan seludup lebih 6,000 kilogram beras Siam

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 menahan sembilan peruncit dan merampas 6,345 kilogram (kg) beras Siam pelbagai jenama yang dianggarkan bernilai RM25,380 dalam serbuan di 10 kedai run-cit di kawasan sekitar Pasar-Besar Wakaf Bharu di sini pada Isnin.

Tangkapan dan rampasan itu dilakukan menerusi Operasi Khas lebih sejam yang

bermula pada jam 6.30 pagi sehingga 8 pagi.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, sembilan peruncit yang ditahan adalah warga tempatan terdiri daripada empat lelaki dan lima perempuan berusia antara 43 tahun sehingga 69 tahun.

‘Peruncit-peruncit ini adalah peniaga

yang menjalankan perniagaan runcit di kawasan sekitar Pasar Besar Wakaf Bharu.

‘Meraka dipercayai menjalankan aktiviti penjualan beras Siam yang diseludup daripada negara Thailand.

‘Barangan kes diserahkan kepada Agensi Kawal Selia Padi dan Beras Negara Kota Bharu untuk siasatan lanjut,’ katanya dalam kenyataan pada Selasa.

UMS UNIT SPEARHEADS SUSTAINABLE DEVELOPMENT OF MARINE RESOURCES

BMRI set to be world-renowned research institute in marine science and aquaculture

ROBERT Wyland, an American artist and environmental activist, once said: "The ocean stirs the heart, inspires the imagination and brings eternal joy to the soul."

Indeed, people are often drawn to the ocean. Writers use the ocean to set the scene in novels or movies, artists paint versions of it on canvases, and many will choose the beach as their vacation destination.

However, less thought is given to the ocean's functions.

For instance, the ocean produces more than half of the world's oxygen and regulates the earth's climate and weather patterns, while providing us with many benefits in terms of food, economy, recreation and medicine.

We have been made aware of the dangers we face if we do not take care of the ocean. Mainstream and social media have been an important source that raise public awareness on issues related to the ocean – such as plastic waste and rising ocean temperature.

Even before these issues gained prominence in the media, Universiti Malaysia Sabah (UMS) had realised the important role that the marine environment plays in our daily lives.

UMS initiated a research unit specialising in marine science and aquaculture in 1995. In 2000, the unit was upgraded to become a centre of excellence known as the Borneo Marine Research Institute (BMRI).

Staying true to its theme of "conservation and sustainable development of marine resources", BMRI has implemented programmes focused on expanding knowledge on marine biodiversity, establishing a marine biodiversity showcase through the Aquarium and Marine Museum of UMS, linking conserva-



on biomimicry and eco-engineering. Embracing these IR4.0 technologies will aid the growth and industrialisation of aquaculture while contributing to the employability of its graduates.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad who visited BMRI's fish hatchery in August last year complimented the institute's initiatives in achieving Shift 7 on Innovation Ecosystem and Shift 8 on Global Prominence, in this instance, of the Malaysia Education Blueprint (Higher Education) 2015-2025.

The minister also expressed her approval and looks forward to the implementation of the institute's future plans.

BMRI, with the steady support of UMS vice chancellor and MOHE, is well on its way to becoming a world-renowned research institute in marine science and aquaculture.

Its promotion of high quality research, training and outreach contributes to rational management, utilisation and sustainable development of marine resources for the nation's socio-economic welfare.

The ocean holds great potential, some of which have yet to be discovered. Therefore, continued efforts to understand the ocean need to be advocated.

When we protect the ocean, we protect our future.

Assoc Prof Dr FAIHANNA CHING FUI

Dr ZARINAH WAHEED
MUHAMMAD ALLI SYED HUSSEIN
Lecturers
Borneo Marine Research Institute
Universiti Malaysia Sabah

BMRI's pioneer production of a fast growing grouper hybrid, which has benefited the aquaculture industry and seafood consumers.

sumers which has led to its high commercial value.

Fish farmers have gained tremendously from this research as they now can grow and sell groupers at a much faster pace. This hybrid grouper has dominated the seafood industry and is most popular at live fish markets.

BMRI aims to fast-track progress in its flagship areas to meet the 2030 targets set for the UN Sustainable Development Goals, Ocean Science Decade for Sustainable Development and Decade for Ecosystem Restoration.

BMRI also plans for its projects to envisage the application of artificial intelligence, machine-learning tools, and innovative models based

crustaceans from sustainable sources.

> Design of farming modules for commercial species of fish and crustaceans.

> Development of aquaculture models that have been adopted by small and medium enterprises and used for urban food systems in response to the food security problem during the Covid-19 pandemic.

One of BMRI's blockbuster translational research supported by MOHE is the pioneer production of a fast growing grouper hybrid to boost the aquaculture industry in the country and the region.

BMRI's novel hybrid grouper has gained immediate popularity from aquaculturists and seafood con-

tion with issues of seafood security faced by our nation, and contributing ideas that can address climate change.

Championing the quadruple helix concept of the Ministry of Higher Education (MoHE) research and development activities conducted by BMRI have strengthened the relationship between the government, academia, industries and communities – in what is known as translational research.

Among BMRI's research initiatives are:

> Captive breeding of mangrove crab, shrimp, green mussel and sea cucumber in addition to affordable freshwater species.

> Formulation of feed for fish and